

04/02/1997

KDN kesan penguasa tempatan ingkar nasihat

Jalal Ali Abdul Rahim; Noor MM

TELUK INTAN, Isnin - Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengesan sesetengah pihak berkuasa tempatan membelakangi nasihat jawatankuasa penasihat yang dianggotai polis, dengan mengeluarkan lesen kepada pengusaha pusat hiburan.

Timbalan Menterinya, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, berkata Kerajaan Pusat bagaimanapun tidak dapat menghalang perbuatan itu kerana pemberian lesen di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan.

"Kita ada satu jawatankuasa yang dianggotai ulama, polis serta pelbagai jabatan lain. Jawatankuasa yang turut dianggotai ulama itu tidak memberi sokongan atau melarang sesuatu permohonan untuk membuka pusat hiburan.

"Walaupun larangan itu diabaikan, kementerian tidak mempunyai kuasa untuk menarik balik lesen berkenaan kerana ia di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, katanya kepada pemberita selepas berbuka puasa di surau Rumah Awam Chenderong Balai, di sini, malam tadi.

Sebelum ini Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan semua Menteri Besar dan Ketua Menteri mengkaji peraturan dan Undang-Undang Majlis Tempatan serta Undang-Undang Negeri kerana perkara itu yang berkait dengan agama misalnya adalah tanggungjawab kerajaan negeri.

Kerajaan Pusat mengeluarkan arahan supaya semua pusat hiburan ditutup jam satu pagi tetapi Selangor mengehadrkannya sehingga jam 12 tengah malam.

Mengenai kemungkinan tindakan menyekat pusat hiburan beroperasi hingga larut malam menyebabkan kemerosotan pelancong ke negara ini, beliau berkata, tidak sampai 10 peratus pelancong mengunjungi pusat hiburan.

"Jika ada, mereka hanya ingin melakukan maksiat seperti menjadi pelacur, pegawai perhubungan pelanggan atau sebagai pelaris sesebuah pusat hiburan," katanya.

Sementara itu, beliau berkata empat lagi pusat serenti baru termasuk sebuah dikhaskan untuk wanita dibina di seluruh negara bagi meningkatkan kemampuannya.

Menurutnya, pembinaan itu diputuskan selepas Kementerian Kewangan memperuntukkan geran RM78 juta kepada KDN.

Pusat serenti itu termasuk sebuah di Sabah dan Kelantan. Selain itu, pusat serenti khas untuk wanita akan dibina di Bachok bagi menggantikan pusat sedia ada di Kemumin, Kelantan. Dua lagi pusat serenti iaitu di Muar, Johor dan Rawang, Selangor akan dipindahkan ke kawasan baru.

(END)